


Lakukan lonjakan berganda – Najib

um-4/9/2006

Oleh NAZRULLAH ROSLI
dan ARSHAD KHAN



NAJIB Tun Razak beramah mesra dengan sebahagian daripada veteran UMNO pada Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Paya Besar di Kuantan, semalam.

– Gambar GHAZALI BASRI

KUANTAN 3 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak rakyat khususnya orang Melayu melakukan lonjakan berganda ke arah menjadi masyarakat bermentaliti kelas pertama dunia dalam persiapan negara mencapai negara maju tahun 2020.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dengan tempoh sasaran untuk menjadi negara maju hanya tinggal kurang 15 tahun sahaja, tiba masanya rakyat mengambil tindakan untuk berubah bukan sahaja dari segi material, juga meliputi perubahan sikap.

“Asas negara maju sudah disemai dan kini fasa kedua 2020 sedang berlangsung, maka sudah tiba juga masanya untuk rakyat terutama masyarakat Melayu melakukan lonjakan berganda ke arah menjadi masyarakat kelas pertama dunia,” katanya.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Paya Besar di sini hari ini.

Katanya, sekarang adalah masa sesuai di mana perkara kerohanian seperti kebersihan dan kesopanan dalam hidup turut diberikan penekanan agar rakyat dapat mencerminkan masyarakat ber-

tamadun tinggi.

Menurut Najib, nilai ketinggian tamadun rakyat negara ini bergantung kepada penilaian masyarakat lain di dunia.

“Orang lain melihat salah satu daripadanya ialah cara kita menguruskan diri kita, kalau kita dikenali sebagai bangsa yang baik, kemas

dan sebagainya, itu satu daripada penilaian orang terhadap kita.

“Sebab itu, baru-baru ini saya ada menyebut mengenai revolusi tandas, sebab kalau tandas kita bersih, itu adalah ukuran ketinggian tamadun kita,” ujar beliau.

Beliau berkata, perubahan si-

kap menjadi warga kelas pertama dunia menuntun kepada pembangunan minda kerana ia akan menjadi penentu sama ada rakyat akan menjadi satu bangsa maju atau sebaliknya.

“Perlu ada reformasi minda kepada ahlak yang baik dan nilai-nilai murni,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya Najib menyeru masyarakat Melayu agar melakukan lonjakan berganda dan bukan berperingkat-peringkat jika ingin meredah arus globalisasi dan muncul bangsa maju pada tahun 2020.

“Untuk bangsa Melayu capai kecemerlangan, kita mesti melihat bagaimana boleh mendapatkan pencapaian bukan berperingkat-peringkat, tetapi pencapaian berbentuk lonjakan berganda,” katanya.

Kata beliau, perubahan secara berperingkat-peringkat adalah tidak memadai dalam keadaan sekarang.

“Lonjakan berganda seperti kita hanya seorang peniaga kecil, tiba-tiba dapat membekalkan bahan jualan kita kepada sebuah pasar raya besar, maka kita telah mencapai tahap lonjakan berganda,” katanya.

Dalam erti kata lain, menurut Najib, masyarakat Melayu memerlukan satu lonjakan luar biasa mulai sekarang untuk maju.

Mengenai subsidi dinikmati masyarakat Melayu dalam beberapa bidang akan dikurangkan untuk mewujudkan lonjakan berganda, beliau memberitahu, perkara itu tidak perlu dilakukan kerana hal tersebut tiada kaitan dengan subsidi.

Malah, beliau berkata, dalam konteks tertentu, subsidi akan tetap dikekalkan kepada orang Melayu.